

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
18 OGOS 2021	27 NOV 2021	31 DIS 2021

## Perspektif Masyarakat Terhadap Faktor Poligami

### *Society's Perspective on The Factor of Polygamy*

Nabilah binti Hj Bujang<sup>1</sup>, Dr Hjh Nurzakiah binti Hj Ramlee<sup>2</sup>

#### ABSTRAK

*Poligami adalah satu amalan perkahwinan yang telah lama wujud dan diamalkan dalam setiap masyarakat termasuk di Negara Brunei Darussalam. Keharusan poligami menurut Islam bertujuan untuk kesejahteraan semua pihak iaitu ahli keluarga yang terlibat, masyarakat dan juga negara. Sebahagian masyarakat menjadikan poligami sebagai salah satu cara jalan penyelesaian di dalam perkahwinan mereka. Ini kerana isteri tidak mahu diceraikan ataupun berstatus janda, dan mereka lebih rela dimadukan. Ada juga yang menjadikan poligami sebagai cara untuk memenuhi kemahuan suami yang tidak cukup dengan hanya mempunyai seorang isteri. Ramai masyarakat yang berpandangan negatif terhadap poligami ini kerana ada yang berfikir bahawa poligami inilah pemusnah sesebuah keluarga yang terlibat, nafkah isteri dan anak-anak juga terabai dan sebagainya. Akan tetapi kita perlu sedar bahawa poligami ini telah disyariatkan dan diharuskan oleh Allah Subhanahu Wa Taala, malah dalam keadaan tertentu ia menjadi sunat. Oleh kerana poligami ini meningkat dari tahun ke tahun, kertas kerja ini membincangkan mengenai faktor berlakunya poligami di Negara Brunei Darussalam. Kertas kerja ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis kandungan dengan membuka beberapa fail kes poligami yang ada di Mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan. Hasil kajian empat kes yang dibuat di mahkamah mendapati alasan-alasan yang dikemukakan oleh pemohon untuk berpoligami antaranya ialah untuk mengeratkan silaturrahim yang sekian lama terpisah dan ingin mendalami agama Islam, bakal isteri mempunyai ciri-ciri yang diingini, ingin bertanggungjawab terhadap bakal isteri yang sedang mengandung akibat dari keterlanjuran yang telah mereka lakukan, menghindari perkara yang bertentangan dengan Hukum Syara', memelihara supaya tidak berlaku fitnah, dan kerelaan hati kedua belah pihak iaitu pemohon dan bakal isteri.*

**Kata Kunci:** *Perspektif, masyarakat, faktor, poligami, Hukum Syara'*

#### ABSTRACT

*Polygamy is a marriage practice that has long existed and is practiced in every society, including in Brunei Darussalam. The necessity of polygamy according to Islam aims for the well-being of all parties, namely the family members involved, the community and also the country. Some communities make polygamy as one of the solutions in their marriage. This is because the wife does not want to be divorced or widowed, and they are more willing to be married. There are also those who make polygamy as a way to meet the wants and needs of a husband that is not enough to have only one wife. Many people have a negative view of polygamy because some people think that polygamy is the destroyer of a family involved,*

<sup>1</sup> Nabilah binti Hj Bujang. Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam. nabilahbujang@gmail.com

<sup>2</sup> Dr Hjh Nurzakiah binti Hj Ramlee. Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam. Nurzakiah.ramlee@unissa.edu.bn

*nafkah of their wives and children is also neglected and so on. But we need to be aware that this polygamy has been prescribed and required by Allah Subhanahu Wa Taala, even in certain circumstances it becomes circumcision. As polygamy increases from year to year, this paper discusses the factors of the occurrence of polygamy in Brunei Darussalam. This paper uses the qualitative method that is content analysis method by referring some polygamy cases available in the Syariah Court, Bandar Seri Begawan. The results of a study of four cases made in court found that the reasons given by the applicant for polygamy include to strengthen the long-separated relationship and want to deepen the religion of Islam, the prospective wife has the desired characteristics, and wants to be responsible for the prospective wife who is pregnant as a result of the continuity they have done, avoid things that are contrary to Islamic Law, to preserve so that there is no slander, and the willingness of both parties, namely the applicant and the prospective wife.*

**Keywords:** *Perspective, society, factors, polygamy, Islamic Law*

## **Pengenalan**

Poligami adalah salah satu sistem perkahwinan dari bermacam-macam sistem perkahwinan yang kita kenali seperti monogami, poliandri, pologini dan lain-lain lagi. Perkataan poligami berasal dari bahasa Yunani, dari etimologi (segi bahasa) kata-kata “poly” atau “polus” yang bererti banyak, dan “gamein” atau “gamos” yang bererti kahwin atau perkahwinan. Bila pengertian perkataan itu kita rangkaikan maka poligami akan bererti “suatu perkahwinan yang banyak.” Atau dengan kata lain, poligami ialah “suatu perkahwinan yang lebih dari seorang.” Poligami juga berasal dari bahasa Arab disebut *Ta’addad al Zawjat* (تعدد الزوجات). Asal perkataan *Ta’addad* (تعدد) bererti bilangan, manakala perkataan *al Zawjat* (الزوجات) diambil dari perkataan *al Zawjat* (الزوجة) yang bererti isteri. Dua perkataan tersebut apabila digabungkan membawa erti isteri yang banyak atau berbilang-bilang. Zaini Nasohah (2000)

Berkahwin secara poligami sudah diamalkan secara meluas dalam banyak kelompok bangsa semenjak sebelum kedatangan Islam lagi. Di antara bangsa-bangsa yang mengamalkan poligami ialah bangsa Ibrani, Arab Jahiliah dan Cisilia yang kemudiannya melahirkan sebahagian besar penduduk yang menghuni negara-negara seperti Rusia, Poland dan Yugoslavia. Tidak ketinggalan di sini adalah orang Jerman dan Saxon yang kemudiannya melahirkan sebahagian besar penduduk yang menghuni negara-negara seperti Jerman, Belanda, Denmark, Sweden, Norway dan lain-lain. Zaini Nasohah (2000)

Selepas kedatangan Islam, poligami terus diamalkan oleh kebanyakan masyarakat Islam hingga ke hari ini. Pensyariatan poligami hanya terbatas kepada empat orang isteri sahaja dalam satu masa. Saadiah Tamit (2003)

Pengertian poligami dari segi bahasa, menurut *Kamus Dewan* iaitu amalan beristeri lebih daripada satu orang pada masa yang sama; maksud berpogami ialah mengamalkan poligami, mempunyai lebih daripada seorang isteri pada masa yang sama. Dewan Bahasa dan Pustaka (2005)

Menurut Zaini Nasohah (2000), poligami dimaksudkan sebagai berkahwin lebih daripada seorang iaitu lawan kepada perkataan monogami yang membawa erti berkahwin

dengan seorang wanita sahaja. Ia juga berlawanan dengan perkataan poliandri iaitu amalan bersuami lebih dari seorang dalam satu-satu masa.

Berdasarkan kepada pengertian poligami dari segi bahasa tersebut, poligami atau berpoligami bermaksud mengamalkan atau mengahwini lebih dari seorang isteri pada masa yang sama.

Kajian dalam bidang psikologi menunjukkan poligami membawa pengaruh yang negatif terhadap isteri dan anak khususnya dalam aspek kesihatan mental, pencapaian prestasi di sekolah, perlindungan, status sosioekonomi dan hubungan antara ayah dan anak. Alean et al. (2008)

Manakala menurut Rusina Siron, kebanyakan wanita yang berpoligami mengalami tekanan emosi yang hebat, kemurungan kronik, merasa rendah diri kerana memikirkan pandangan masyarakat terhadap mereka. Fadzlena Jaafar (2007)

### Poligami Menurut Perspektif Islam

Perkahwinan dalam Islam mempunyai tujuan yang sangat luas bukan hanya semata-mata untuk memenuhi keperluan seksual, membiakkan keturunan, tetapi tujuan sebenarnya ialah untuk menyebarkan agama Islam, memelihara keturunan manusia, berkasih sayang di antara suami isteri dan di antara keluarga masing-masing. Saadiyah Tamit (2003)

Imam-imam mazhab iaitu Imam Syafi'ie, Hanafi, Maliki dan Hanbali mengungkapkan syarat keadilan dalam berpoligami. Menurut mereka seorang suami boleh memiliki lebih dari seorang isteri tetapi membataskan hanya sampai empat orang isteri dalam satu masa. Mahmud Yunus (1996) Pembatasan ini juga telah dikuatkan dengan ayat Al-Quran yang berbunyi:

﴿...فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَى وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ...﴾

Tafsirannya: “Maka nikahilah perempuan (lain) yang kamu senangi: dua, tiga atau empat.” (An-Nisaa: 3)

Dalam Islam, poligami didefinisikan sebagai perkahwinan seorang suami dengan isteri lebih dari seorang dengan membataskan maksimum empat orang isteri dalam waktu yang sama. Ini berdasarkan ayat Al-Quran yang berbunyi:

﴿وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ آذَنٌ أَلَّا تَعُولُوا﴾

Tafsirannya: “Dan jika kamu takut tidak akan mampu berlaku adil terhadap (hak-hak) perempuan yatim (bila mana kamu menikahnya), maka nikahilah perempuan (lain) yang kamu senangi: dua, tiga atau empat. Tetapi jika kamu takut tidak akan mampu berlaku adil, maka (nikahilah) seorang saja, atau hamba sahaya perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu lebih dekat agar kamu tidak berbuat zalim.” (An-Nisaa: 3)

Di dalam kitab Ibnu Kathir, maksud ayat ﴿وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ﴾ adalah apabila di bawah pemeliharaan salah seorang kamu terdapat

wanita yatim dan ia merasa takut tidak dapat memberikan mahar sebanding, maka carilah wanita lain. Kerana mereka cukup banyak, dan Allah SWT tidak akan memberikan kesempatan padanya.

Imam Bukhari meriwayatkan: dari Aisyah RA “Sesungguhnya seorang lelaki yang mempunyai tanggungan anak yatim, kemudian dia mengahwininya sedangkan wanita itu mempunyai pohon kurma yang berbuah. Lelaki itu menahannya sedangkan wanita itu tidak dapat apa-apa daripada lelaki itu,” maka turunlah ayat (وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُفْسِطُوا) saya menyangka ia mengatakan, “Ia bersekutu dalam pohon kurma dan hartanya.”

Firman Allah SWT (مَثْنَى وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ) dalam kitab Ibnu Kathir, maksud ayat tersebut ialah nikahilah oleh kamu wanita-wanita yang kamu suka selain mereka. Jika kamu suka dua, nikahilah dua. Jika kamu suka tiga, nikahilah tiga. Dan jika kamu suka empat, nikahilah empat.

Firman Allah SWT (فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ) dalam kitab Ibnu Kathir bermaksud jika kamu takut memiliki banyak isteri dan tidak mampu berlaku adil kepada mereka. Barangsiapa yang takut berbuat demikian, maka cukuplah seorang isteri atau hamba perempuan sahaja. Kerana tidak wajib bergilir-gilir (hamba perempuan), tetapi dianjurkan, maka sesiapa yang melakukannya ia adalah baik dan sesiapa yang tidak melakukannya, makan tidak ada salahnya.

Firman Allah SWT (ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا تَعُولُوا) dalam kitab Ibnu Kathir bermaksud janganlah kamu berbuat aniaya. Di dalam bahasa Arab mengatakan (عَالَ فِي الْحُكْمِ): iaitu (menyimpang dari hukum) apabila ia menyimpang dan zalim.

Abu daud juga meriwayatkan dalam pembataskan maksimum empat orang isteri dalam waktu yang sama daripada Harith bin Qais:

قال: اسلمت وعندي ثمانى نسوة فذكرت ذلك للنبي صلى الله عليه وسلم، فقال: أخت منهن اربعا.

Maksudnya: *Saya memeluk Islam dan memiliki lapan isteri. Saya memberitahu perkara ini kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda bersabda: “Pilihlah empat daripada mereka”.* (Hadis riwayat Ibnu Majah di dalam Sunan Ibnu Majah, kitab an-Nikah, Bab (الرجل يسلم وعنده أكثر من أربع نسوة) no. hadis 1952)

Hadis di atas menerangkan bahawa Islam membataskan seorang suami hanya boleh memiliki empat orang isteri dalam satu masa.

Tujuan utama perkahwinan dalam Islam ialah mewujudkan keluarga yang sejahtera supaya suami dan isteri serta anak mereka hidup dalam aman damai, harmoni dan kasih sayang seperti yang diperintahkan dalam Al-Quran yang berbunyi:

﴿وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا﴾  
 إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا

Tafsirnya: “Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah “orang tengah” (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua “orang tengah” itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuanNya.” (An-Nisaa: 35)

Allah SWT menjelaskan tentang keharusan seseorang lelaki untuk berpoligami. Ayat ini juga menentukan kadar yang dibolehkan iaitu setakat empat orang isteri sahaja dalam satu-satu masa. Seterusnya ayat ini menentukan syarat keadilan yang membolehkan seseorang itu melakukan poligami menurut kemampuannya. Sekiranya ia merasa takut atau tidak yakin dapat berlaku adil, maka Islam menggesa supaya seseorang lelaki itu berkahwin dengan seorang perempuan sahaja agar tidak berlaku penganiayaan dan kezaliman. Zaini Nasohah (2000)

Pada zaman Rasulullah SAW seorang sahabat bernama Ghailan al-Damsyiqi yang mempunyai sepuluh orang isteri ketika beliau memeluk agama Islam. Rasulullah SAW telah mengarahkannya agar memilih empat orang sahaja dari isteri-isterinya dan menceraikan yang lain-lain apabila beliau memeluk agama Islam. Zaini Nasohah (2000)

Sabda Rasulullah SAW:

وعن ابن عمر قال: أسلم غيلان بن سلمة وتحتة عشرة نسوة، فقال له النبي (ص) خذ منهن أربعاً

Maksudnya: “Dari Ibnu Umar telah berkata: Telah masuk Islam, Ghailan bin Damsyiqi dan di sampingnya ada sepuluh orang isteri, maka Rasulullah SAW, bersabda kepadanya: Ambillah dari kalangan mereka itu empat orang sahaja.” (Hadis riwayat Ibnu majah dalam Sunan Ibnu Majah, kitab an-Nikah, Bab (الرجل يسلم وعنده أكثر من أربع نسوة), no. hadis 1953)

Para imam Mujtahid di seluruh negara Islam turut memperakui pensyariatannya. Tidak ada yang pernah membantah syariat tersebut sehingga ke hari ini. Zaini Nasohah. (2000)

### Hikmah Poligami

Pada asalnya Islam mengharuskan poligami dan tidak mewajibkannya. Hal ini demikian kerana Islam mempunyai matlamat yang jauh untuk menambah baik sistem kemasyarakatan. Perkara ini tidak dapat difahami melainkan mereka yang berpandangan jauh. Mustafa et al. (2007)

Setiap pensyariatan hukum Allah SWT pastinya mempunyai hikmah-hikmahnya yang tertentu sama ada yang boleh dilihat dengan mata kasar mahupun hikmah yang bersifat tersembunyi. Begitu juga dengan poligami, ia membawa hikmah tersendiri. Antaranya ialah:

#### 1. Kurniaan Allah SWT kepada manusia

Pengharusan poligami dengan pembatasan bilangan yang tidak melebihi dari empat dalam satu-satu masa merupakan rahmat dan kurniaan Allah SWT kepada manusia khususnya umat Islam. Bagi kaum lelaki, mereka boleh berkahwin lebih dari satu dengan syarat mereka sanggup berlaku adil terhadap isteri-isterinya dalam semua perkara sama ada melibatkan material ataupun lainnya. Namun jika mereka bimbang sekiranya dengan berpoligami itu mereka akan gagal menjalankan tanggungjawab dengan sempurna dan adil, maka pada waktu itu adalah haram bagi mereka untuk berpoligami. Oleh itu, di sini tidak ada paksaan mahupun larangan

sama sekali. Semuanya adalah bergantung kepada kemampuan dan beberapa faktor lain yang mesti diambil kira. Zaini Nasohah (2000)

## 2. Meramaikan penduduk Islam

Poligami merupakan cara untuk mempercepat perkembangan jumlah penduduk Islam yang diinginkan oleh Rasul SAW. Abd Hakim (2007) Sabda baginda:

تَزَوَّجُوا الْوَدُودَ الْوَالِدِ، فَإِنِّي مَكَاثِرُ بِكُمْ الْأُمَّمِ

Maksudnya: “Nikahilah perempuan yang penyayang dan dapat mempunyai anak yang banyak kerana sesungguhnya aku akan berbangga dengan sebab (banyaknya) kamu di hadapan umat-umat (yang terdahulu)” (Hadis Riwayat Abu Daud, Bab (النهي عن تزويج من لم ) كراهية تزويج العقيم) dalam nikah) no. hadis 2050, dan Nasa’ie 6/65 dan 66, Bab (بلد من النساء

## 3. Menjaga kebajikan golongan wanita belum bersuami yang ramai di sesetengah kawasan atau bilangan wanita yang melebihi kaum lelaki

Antara kebaikan berpoligami adalah demi menyelamatkan kaum wanita dari krisis akhlak yang tinggal di negara atau pun masyarakat yang jumlah wanitanya jauh lebih banyak dari kaum lelaki, contohnya akibat peperangan yang cukup lama. Abd Rahman Ghazaly (2006)

Bagi mengatasi masalah lebih ramai wanita, dengan matlamat memberi perlindungan dan kebajikan mereka, maka poligami merupakan suatu jalan penyelesaiannya. Zaini Nasohah (2000)

## 4. Mengelakkan suami daripada memilih jalan yang menuju ke lembah kehinaan

Adakalanya terdapat juga suami yang memiliki nafsu syahwat yang tinggi, sehingga tidak cukup baginya hanya memiliki seorang isteri, sedangkan dia seorang yang baik dan selalu menjaga kehormatan dirinya, akan tetapi dia takut terjerumus dalam perzinaan. Bagi mengelak sebarang kemungkinan terjebak ke lembah maksiat, maka Islam membenarkan suami berpoligami sesuai dengan syariat Islam. Abdullah al-Buthoni (2010)

## 5. Membanyakkan keturunan

Salah satu sebab seseorang berpoligami adalah kerana isterinya mandul, atau sudah terlalu tua dan sudah putus haidnya. Dalam pemilihan bakal isteri, Islam menyukai wanita yang dapat melahirkan keturunan daripada yang mandul, walaupun sifat-sifat jasmaniahnya lebih menarik. Arif Mustofa (2017)

Di samping itu juga, Rasulullah SAW menggesa umatnya supaya berusaha membanyakkan keturunan kerana dengan banyaknya keturunan umat Islam, akan menjadi satu kebanggaan kepada baginda sendiri pada hari akhirat kelak. Zaini Nasohah (2000)

## Hukum Poligami

Hukum asal poligami adalah harus. Mustafa et al. (2007) berdasarkan firman Allah SWT dalam surah an-Nisa ayat 3.

Ayat tersebut telah diwahyukan pada akhir tahun ke-lapan Hijrah untuk menghapuskan peradaban lama yang masyhur di kalangan orang Jahiliah pada masa itu. Pada masa tersebut, apabila terdapat perempuan yatim, wali yang menjaga perempuan yatim tersebut tidak mahu

mengahwinkan perempuan tersebut bagi mengelakkan kuasa menjaga harta perempuan yatim tadi terlepas ke tangan orang lain. Sebaliknya mereka sendiri yang berkahwin dengan perempuan yatim itu untuk menjadikan hartanya sebagai milik mutlak mereka, sedangkan kewajipannya sebagai seorang suami yang bertanggungjawab tidak dipenuhi dan dilaksanakan. Zaini Nasohah (2000)

Maka dengan turunnya ayat di tersebut (an-Nisa:3) telah menghapuskan amalan tersebut dengan mengharuskan seseorang lelaki itu mengahwini perempuan-perempuan yatim dan menjalankan tanggungjawab mereka secara adil seperti yang dikehendaki oleh Islam. Ayat tersebut juga menjelaskan supaya seseorang yang berkahwin lebih dari satu hendaklah berlaku adil terhadap isteri-isterinya dengan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan sepenuhnya. Sebaliknya jika mereka tidak mampu berlaku adil terhadap isteri-isteri tadi maka hendaklah mereka berkahwin satu sahaja. Zaini Nasohah (2000)

Walaupun begitu, hukum poligami ini berubah menjadi sunat, makruh dan haram berdasarkan situasi dan keadaan individu yang menginginkan poligami: Mustafa et al. (2007)

1. Sunat: Apabila seorang lelaki memerlukan isteri yang lain. Contohnya, seseorang yang tidak memadai dengan seorang isteri, ataupun apabila isteri pertama itu sakit atau mandul sedangkan suami menginginkan anak. Suami juga merasakan dia mampu untuk berlaku 'adil terhadap kedua-duanya. Dalam keadaan ini, hukum poligami adalah sunat kerana terdapat masalah yang dibenarkan oleh syara'. Para sahabat RA juga berkahwin lebih daripada seorang isteri.
2. Makruh: Jika poligami itu dilakukan tanpa sebarang keperluan, semata-mata untuk menambah keseronokan dan hiburan maka hukumnya adalah makruh. Apatah lagi, jika suami itu sangsi dengan keupayaannya berlaku adil di kalangan isterinya. Ia juga menjadi makruh kerana dilakukan tanpa sebarang keperluan yang boleh membawa kepada berlakunya kemudharatan akibat tidak berlaku adil. Hal ini berdasarkan hadith:

عن الحسن بن علي رضي الله عنهما: قال النبي صلى الله عليه وسلم: دع ما يريك إلى ما لا يريك

Maksudnya: *Daripada al-Hasan bin 'Ali RA, Nabi SAW bersabda: "Tinggalkan perkara yang meragukanmu kepada perkara yang tidak meragukanmu."* (Hadis riwayat at-Tarmizi dalam *Sunan at-Tarmizi, Bab (أبواب صفة القيامة والرقائق والورع عن رسول الله صلى الله عليه )* no. hadis 2518) (وسلم)

3. Haram: Apabila seorang lelaki berasa ragu atau yakin tidak mampu berlaku adil sekiranya berkahwin lebih daripada seorang perempuan, sama ada kerana kefakirannya, kelemahannya atau tidak yakin dapat mengelakkan dirinya daripada cenderung kepada mana-mana isteri, atau bersikap aniaya maka hukum poligami adalah haram. Hal ini demikian kerana akan menimbulkan kemudharatan kepada orang lain. Hal ini berdasarkan hadis,

النبي صلى الله عليه وسلم يقول: لا ضرر ولا ضرار

Maksudnya: *Nabi SAW bersabda, "Tiada kemudharatan dan tidak boleh melakukan perkara yang memudharatkan."* (Hadis riwayat Ibnu Majah dalam *Sunan Ibnu Majah, kitab al-Ahkam, Bab (من بنى في حقه ما يضر بجاره)*, no. hadis 2341)

Wajib diketahui, sekiranya seseorang berpoligami dalam dua keadaan terakhir yang disebut sebelum ini akad perkahwinan itu tetap sah. Ia menghalalkan pergaulan, mewajibkan pemberian mas kahwin, nafkah dan seumpamanya. Walaupun poligami dalam keadaan yang ketiga adalah haram ia hanya berdosa tetapi tidak membatalkan akad. Mustafa et al. (2007)

Justeru itu Islam membenarkan umatnya melakukan poligami ketika ada perkara-perkara yang mengharuskan, bila mempunyai daya kesihatan dan memiliki harta benda dan keadilan yang mutlak antara para isteri. Seandainya seseorang suami takutkan berlaku kezaliman dan tidak adil, maka wajiblah dia mempunyai seorang isteri sahaja. Ruhani al-abraasyi (1995)

### Syarat-syarat Poligami

Penetapan berlakunya poligami oleh Islam berserta dengan batasan-batasan tertentu dengan cara menetapkan poligami itu dengan syarat-syaratnya sendiri, sebenarnya mempunyai tujuan jangka panjang iaitu untuk meratakan kesejahteraan keluarga dan untuk menjaga ketinggian nilai di dalam kalangan masyarakat Islam seterusnya meningkatkan budi pekerti kaum muslimin. Berikut adalah syarat-syarat berpoligami yang telah digariskan oleh syarak, iaitu:

1. Tidak melebihi empat (4) orang isteri dalam satu masa.

Islam mengharuskan berkahwin dengan empat perempuan. Meski pun ayat ﴿فَأَنْكِحُوا﴾ seperti perintah, tetapi perkataan tersebut tidak menunjukkan berkahwin lebih dari satu adalah wajib, melainkan harus. Ini adalah pendapat jumhur ulama. Jumlah maksimum untuk berpoligami adalah empat orang sahaja dalam satu masa. Tidak harus berkahwin lebih dari jumlah tersebut. Abd Karim Zaidan (1997)

2. Wanita yang dikumpulkan dalam satu masa itu bukan bersaudara.

Misalnya, berkahwin dengan kakak dan adik, ibu dan anaknya, anak saudara dengan emak saudara baik sebelah ayah mahupun ibu. Khairuddin Bin Haiyon (2018)

Bahawa Ummu Habibah (isteri Rasulullah SAW) mengusulkan agar baginda menikahi adiknya. Maka beliau menjawab: “*Sesungguhnya dia tidak halal untukku.*” (Hadis riwayat Bukhari, kitab an-Nikah, Bab (وَأَنْ تَجْمَعُوا بَيْنَ الْأَخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ), no. hadis 5107)

Hadis di atas jelas melarang seorang suami mengahwini perempuan bersaudara dalam waktu yang sama.

3. Bersikap adil, iaitu adil dalam memberi nafkah dan giliran.

Surah an-Nisa ayat 3 menegaskan bahawa syarat suami yang berpoligami wajib berlaku adil terhadap isteri-isterinya. Hal ini sering menjadi perdebatan yang panjang bukan saja dikalangan ahli hukum, bahkan juga masyarakat. Ahmad Khotim (2019)

Imam Syafi'ie mensyaratkan keadilan di antara isteri-isteri. Menurutnyanya, keadilan ini hanya melibatkan urusan yang zahir seperti mengunjungi isteri pada malam atau siang hari. Seorang suami menurut ulama fiqh mempunyai sekurang-kurangnya dua syarat: Pertama, berkemampuan untuk menanggung berbagai keperluan isteri-isterinya. Kedua, harus bersikap adil terhadap kesemua isterinya. Setiap isteri harus diperlakukan secara adil dan sama dalam memenuhi hak-hak perkahwinan dan lainnya. Abd Rahman I Do'I (2002).

Kebolehan berpoligami tertakluk kepada syarat-syarat yang telah dinyatakan oleh syarak, iaitu berlaku adil antara isteri-isteri, baik dari segi nafkah mahupun gilirannya. Dalam hal ini, Imam Syafi'ie menambah, syarat lain yang harus ditekankan adalah suami harus dapat menjamin hak isteri-isteri dan anak-anaknya. Mahmud Yunus (1996)

Firman Allah SWT yang berbunyi:

﴿وَلَنْ تَسْتَطِيعُوا أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ ۖ فَلَا تَمِيلُوا كُلَّ الْمَيْلِ فَتَذَرُوهَا كَالْمُعَلَّقَةِ ۗ وَإِنْ تُصْلِحُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَحِيمًا﴾

Tafsirannya: “Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya); oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau-lampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung (di awang-awang); dan jika kamu memperbaiki (keadaan yang pincang itu), dan memelihara diri (daripada perbuatan yang zalim), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” (An-Nisaa: 129)

Maksud adil di dalam ayat di atas telah ditafsirkan oleh ahli hadis iaitu keadilan dalam pembahagian giliran bermalam (bagi suami yang bekerja siang atau giliran di waktu siang hari bagi suami yang bekerja di sebelah malam) dan membawa dalam pelayaran dan nafkah. Sedangkan keadilan dalam berkasih sayang tidak wajib dilakukan kerana perkara ini adalah di luar kemampuan dan kesanggupan manusia. Aziz Juned (1996)

Dari Abu Hurairah RA, Rasul SAW bersabda:

من كانت له امرأتان يميل مع إحداهما على الأخرى جاء يوم القيامة وأحد شقيه ساقط

Yang bermaksud: “Sesiapa yang mempunyai dua orang isteri, dia cenderung kepada salah seorang daripadanya tidak kepada isteri yang satu itu, maka apabila datang Hari Kiamat badannya akan senget sebelah”. (Hadis riwayat Ibnu majah dalam Sunan Ibnu Majah, kitab an-Nikah, Bab (القسمة بين النساء), no. hadis 1979)

Para suami haruslah beringat akan balasan Allah kepada mereka yang tidak berlaku adil terhadap isteri-isterinya. Walaupun di dalam kehidupan ini tidak semua orang tahu bagaimana seorang suami itu melayan dan memperlakukan isteri-isterinya, akan tetapi hukuman Allah tetap menanti di akhirat kelak.

Maka keadilan yang dituntut ialah keadilan zahir sahaja seperti: Aziz Juned (1996)

1. Nafkah hidup hari-hari (lahir sahaja).
2. Giliran bermalam (semata-mata bermalam sahaja).
3. Giliran membawa isteri ketika musafir, iaitu dengan membuat undian pada kali pertama dan tidak harus memilih sesuka hati, kecuali dibenarkan dan diizinkan oleh isteri yang lain.

## Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kajian berbentuk kualitatif dengan kaedah analisis kandungan. Pengkaji menganalisis kandungan bukan sahaja melalui buku-buku ilmiah, bahkan artikel-artikel dari jurnal, kertas kerja dari seminar, dan statistik yang diperolehi dari mahkamah.


Pemilihan kandungan dokumen kajian adalah kerana tajuk bahan-bahan yang digunakan berkaitan dengan tajuk yang dikaji dan banyak maklumat tambahan dan fakta-fakta yang berkaitan diperolehi daripada dokumen tersebut. Penulis dari bahan tersebut juga pakar dalam bidang agama yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji.

## Dapatan Kajian

### Dapatan 1

Dapatan kajian pertama mencatatkan kadar statistik poligami di Negara Brunei Darussalam adalah sebanyak dua ratus sembilan puluh dua (292) permohonan poligami di bawah Akta Undang-undang Keluarga Islam, Penggal 217 di Mahkamah Rendah Syariah seluruh negara bagi tahun 2010 hingga 2020 (setakat 24 Oktober 2020) iaitu empat puluh tiga (43) permohonan poligami pada tahun 2010, lima puluh dua (52) permohonan pada tahun 2011, dua puluh lapan (28) permohonan pada tahun 2012, dua puluh dua (22) permohonan pada tahun 2013, tiga puluh enam (36) permohonan pada tahun 2014, sepuluh (10) permohonan pada tahun 2015, lapan (8) permohonan pada tahun 2016, tiga puluh sembilan (39) permohonan pada tahun 2017, sembilan belas (19) permohonan pada tahun 2018, tiga belas (13) permohonan pada tahun 2019 dan dua puluh dua (22) permohonan dicatatkan setakat 24 Oktober 2020.

**Carta 1: Permohonan Poligami di Negara Brunei Darussalam**



**Sumber: Mahkamah Rayuan Syariah, Negara Brunei Darussalam**

Carta di atas menunjukkan bahawa pada tahun 2010 dan 2011 permohonan poligami meningkat; tahun 2010 sebanyak empat puluh tiga (43) permohonan, manakala pada tahun 2011 sebanyak lima puluh dua (52) permohonan poligami dicatatkan. Carta ini juga menunjukkan penurunan permohonan poligami sehingga tahun 2013; dua puluh lapan (28) permohonan pada tahun 2012, dan dua puluh dua (22) permohonan pada tahun 2013. Pada tahun 2014, permohonan poligami meningkat kepada tiga puluh enam (36) permohonan dan kemudian penurunan bilangan permohonan dicatatkan iaitu sepuluh (10) permohonan pada tahun 2015 dan lapan (8) permohonan pada tahun 2016. Carta juga menunjukkan permohonan

poligami meningkat pada tahun 2017 iaitu sebanyak tiga puluh sembilan (39) permohonan dan kemudian penurunan bilangan permohonan dicatatkan pada tahun 2018 iaitu sebanyak sembilan belas (19) permohonan dan tiga belas (13) permohonan pada tahun 2019. Setakat 24 oktober 2020, sebanyak dua puluh dua (22) permohonan dicatatkan yang menunjukkan meningkatnya permohonan poligami ini. Ini bermakna amalan poligami di negara ini adalah tidak stabil dan perlunya kajian mengenai faktor berlakunya poligami di Negara Brunei Darussalam.

## Dapatan 2

Oleh kerana kes poligami terhad tidak ada kes kemas kini yang telah dibukukan di Mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pengkaji hanya mendatangkan empat (4) kes poligami yang berdaftar di mahkamah ini untuk dijadikan rujukan. Melalui kes-kes tersebut pengkaji menghuraikan faktor-faktor berlakunya poligami.

### 1. Kes Pertama

*Kes Shahbudin bin Mohd Tahar (Pemohon) lwn Mariana bte Murah (Responden)*<sup>3</sup>

Pemohon menghadapi permohonan untuk berpoligami dengan bakal isteri. Dalam daftar permohonan, Pemohon telah menyatakan alasan permohonan berpoligami iaitu atas kerelaan hati pemohon. Pemohon juga ingin bertanggungjawab kerana bakal isteri mengandung akibat dari keterlanjuran yang telah mereka lakukan dan takut dibenci agama jika tidak bertanggungjawab serta tidak mahu anak dalam kandungan tidak ada bapa sepanjang hidup dan makan minum anak tidak terpeduli.

### 2. Kes Kedua

*Kes Pg Hj Jaya bin Pg Randah (Pemohon) lwn Dyg Hj Nantin bte Timbang (Responden)*<sup>4</sup>

Pemohon menghadapi permohonan untuk berpoligami dengan bakal isteri. Dalam daftar permohonan, Pemohon telah menyatakan alasan permohonan berpoligami bahawa Responden mengidap penyakit barah pangkal rahim dan keadaan Responden tidak berubah disebabkan penyakit itu. Oleh sebab itu, Pemohon khuatir akan terjerumus dari melakukan perbuatan maksiat.

### 3. Kes Ketiga

*Kes Mohd Yassin bin Abdulah Untop (Pemohon) lwn Dyg Norzainah bte Hj Moxsin (Responden)*<sup>5</sup>

Pemohon menghadapi permohonan untuk berpoligami dengan bakal isteri. Dalam daftar permohonan, Pemohon telah menyatakan alasan permohonan berpoligami iaitu ingin mengeratkan lagi silaturrahim antara Pemohon dan bakal isteri.

### 4. Kes Keempat

*Kes Sapawi bin Alli (Pemohon) lwn Ratina binti Wahab (Responden)*<sup>6</sup>

---

<sup>3</sup> Kes bilangan: MRHS/MAL/BM: 120/2005

<sup>4</sup> Kes bil: MRHS/MAL/BM: 398/2005

<sup>5</sup> Kes Bilangan: MRHS/MAL/BM: 514/2006

<sup>6</sup> Kes bilangan: MRHS/KB/MAL/16/2010

Pemohon menghadapi permohonan untuk berpoligami dengan bakal isteri. Dalam daftar permohonan, Pemohon telah menyatakan alasan permohonan berpoligami iaitu bakal isteri mempunyai ciri-ciri yang diinginkan seperti dapat menjaga rumah tangga, makan minum, pakaian dan lain-lain lagi. Pemohon juga ingin bertanggungjawab terhadap bakal isteri yang sedang mengandung akibat dari keterlanjuran yang telah mereka lakukan dan berikrar akan sentiasa berlaku adil terhadap isteri-isteri dan menyempurnakan kehidupan mengikut hukum syarak.

Kesimpulannya, daripada keempat-empat kes tersebut, antaranya mempunyai persamaan dalam faktor berpoligami. Antara faktor yang telah dinyatakan oleh pemohon-pemohon adalah munasabah bertepatan dengan kehendak syarak, iaitu ingin mengelak daripada melakukan perbuatan maksiat. Jikalau pemohon adil dan mampu untuk memberi nafkah zahir dan batin kepada isteri-isterinya, maka tiada halangan untuknya berpoligami. Ada juga faktor-faktor yang bertentangan dari tujuan asal berpoligami antaranya ingin bertanggungjawab ke atas bakal isteri yang mengandung akibat dari keterlanjuran yang telah mereka lakukan dan mengeratkan silaturrahim yang sekian lama telah terpisah. Ini menunjukkan permohonan untuk berpoligami itu hanya untuk memenuhi hawa nafsu sahaja.

## **Kesimpulan**

Adapun daripada keempat-empat kes yang telah disebutkan mempunyai beberapa faktor yang bertepatan dengan kehendak syarak. Ada juga faktor-faktor yang bertentangan dari tujuan asal berpoligami dan ini menunjukkan permohonan untuk berpoligami itu hanya untuk bersuka ria.

Berpoligami akan menjadi lebih bahagia bagi mereka yang mengamalkannya jika ianya berpandukan dengan Hukum Syarak iaitu mestilah berlaku adil dan atas dasar ingin menghindari berlakunya kemudharatan. Jika seorang suami itu merasakan dirinya tidak akan berlaku adil ataupun tiada keperluan lain selain hanya ingin berseronok dengan memiliki isteri yang ramai, adalah lebih baik suami itu melupakan niat untuk berpoligami dan jagalah isteri dan anak-anak yang sedia ada.

Setiap individu yang ingin berpoligami mestilah mengetahui erti sebenar kehidupan berpoligami dengan menambah ilmu pengetahuan mengenainya. Ini kerana berpoligami adalah merupakan tanggungjawab yang sangat besar iaitu mesti mampu memberi nafkah makan minum, pakaian dan tempat tinggal untuk isteri-isteri dan anak-anak serta tanggungannya. Individu yang ingin berpoligami mestilah mempunyai tujuan asal poligami, iaitu bukan sekadar ingin menurut hawa nafsu sahaja. Dan juga disarankan kepada pihak-pihak yang tertentu supaya sering mengutarakan ceramah-ceramah mengenai poligami ataupun keadilan supaya para suami sedar besarnya tanggungjawab dalam kehidupan berpoligami ini.

## **RUJUKAN**

Al-Quran Al-Karim

*Buku*

Abdullah Al-Buthoni. 2010. *Poligami: Bukti Keadilan Hukum Allah*. Rumah Ilmu.

Abd Karim Zaidan. 1997. *Al-Mufasssal Ahkam Al-Mar'ah wa Al-Bait Al-Muslim fi Syariah Al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.

Abd Rahman Ghazaly. 2006. *Fiqih Munaqahat*. Jakarta: Kencana.

- Abd Rahman I Do'I. 2002. *Penjelasan lengkap hukum-hukum Allah (Syari'ah)*. Jakarta: Rajawali Press.
- Abu Abd Rahman An-Nasa'ie. 1987. *Al-Mujtabi min As-Sunan: As-Sunan As-sughra li An-Nasa'ie*.
- Abu Daud Sulaiman. *Sunan Abu Daud*. Beirut: Al-Maktabah Al-'Asriyyah.
- At-Tarmizi. 1975. *Sunan At-Tarmizi*. Mesir.
- Dewan bahasa dan pustaka. 2005. *Kamus Dewan*. Malaysia: Perpustakaan Negara Malaysia. Ed: 4.
- Haji Awang Abdul Aziz Juned. 1996. *Fatwa Mufti Kerajaan 1994-1995*. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.
- Ibnu Majah. *Sunan Ibnu Majah*.
- Ismail bin Umar Ibnu Kathir. 1999. *Tafsir Al-quran Al-Azim (Tafsir Ibnu Kathir)*
- Mahmud Yunus. 1996. *Hukum perkahwinan dalam Islam menurut Mazhab Syafi'ie, Hanafi, Maliki dan Hanbali*. Jakarta: PT. Hidakarya Agung.
- Muhammad bin Ismail Al-Bukhari. *Shahih Bukhari*.
- Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha, 'Ali Al-Sharbaji. 2005. *Manhaj Fiqh Al-Shafi'i*.
- Ruhani Al-Abraasyi. 1995. *Memilih jodoh & berumahtangga (nikah-poligami-cerai) menurut Nabi SAW*. Malaysia: al-Hidayah. Haji Tamit.
- Zaini Nasohah. 2000. *Poligami hak keistimewaan menurut syariat Islam*. Malaysia: Kuala Lumpur.

#### *Jurnal*

- Ahmad Khotim. 2019. Adil Dalam Poligami Menurut Kyai Di Jombang Perspektif M. Quraish Shihab. *At-Tahdzib: Jurnal Studi Islam Dan Muamalah*. Vol 7, No 2.
- Alean Al-Krenawi & Vered Slonim-Nevo. 2008. Psychosocial and Familial Functioning of Children from Polygynous and Monogamous Families. *Journal of Social Psychology*. Vol 6, No 148.
- Muhammad Arif Mustofa. 2017. Poligami dalam Hukum Agama dan Negara. *Jurnal Al Imarah: Jurnal Pemerintahan dan Politik Islam*. Vol 2, No 1.

#### *Internet*

- Abd Hakim Amir. 2007. Islam Menganjurkan Umatnya Untuk Mempunyai Banyak Anak. <https://almanhaj.or.id/2258-islam-menganjurkan-umatnya-untuk-mempunyai-banyak-anak.html>. 26 November 2021
- Fadzlena Jaafar. 2007. Perkahwinan: Poligami Daripada Perspektif Wanita. Utusan Malaysia. <https://kuim.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/291>. 26 November 2021
- Khairuddin Bin Haiyon. 2018. Bicara Poligami Siri 2. Jabatan Agama Islam Selangor. <https://www.jais.gov.my/v2/page.php?id=390&k=poligami>. 26 November 2021
- Maktabah Shamela. <https://shamela.ws/>. 24 November 2021

#### *Seminar*

- Hajah Saadiah Haji Tamit. 2003. Poligami Menurut Perspektif Undang-undang Keluarga Islam Brunei. Seminar Akademi Pengajian Brunei. Dewan Kolej Kediaman Siswa Lelaki, Universiti Brunei Darussalam, 13 Ogos 2003.